

RISIKO-RISIKO YANG TIDAK DILINDUNGI

Seperti pelan-pelan insurans perubatan yang lain, risiko-risiko yang tidak dilindungi secara am adalah seperti berikut:-

Keadaan pra-wujud: anomali-anomali masa lahir, rawatan yang berpunca daripada kehamilan dan komplikasi yang berkaitan, pemeriksaan perubatan atau fizikal yang biasa, rawatan ketagihan arak atau dadah, penjagaan pergigian melainkan yang berpunca daripada kecederaan tidak sengaja, ketidakwarasan otak, AIDS dan penyakit dengan adanya Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) serta kemasukan hospital akibat penyakit bawaan seks, peperangan atau aktiviti-aktiviti berhubung ketenteraan atau sebarang tindakan pengganasan, sukan bahaya, alat prostesis atau alat-alat pemulihan dan peralatan perubatan yang tidak memerlukan pembedahan, rawatan kegemukan, kekurangan berat badan atau pembaikan berat badan, penyakit-penyakit yang ditetapkan, semua kos yang berhubung dengan pemindahan organ daripada penderma kepada penerima, menerbang selain daripada penumpang yang membayar tambang, penyakit-penyakit yang bermula dalam tempoh yang menunggu selama tiga puluh (30) hari dari tarikh mula kontrak insurans melainkan kenderaan yang dialami dalam kemalangan, kemasukan hospital terutamanya bagi pemeriksaan penyiasatan, rawatan yang tidak diperlukan atau diagnosis, pemeriksaan fizikal am atau pemeriksaan perubatan tidak berupa pemeriksaan sampingan kepada rawatan atau ujian bagi sesuatu kehilangan keupayaan yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak diperlukan dari segi perubatan dan sebarang rawatan mencegah atau pemeriksaan perubatan yang dijalani oleh doktor biasa, kos perbelanjaan bagi perkhidmatan yang tidak berunsur perubatan seperti televisyen, telefon, teleks atau kemudahan yang serupa

"Keadaan Pra-wujud" bermakna: (Pre-existing Condition)

- i) Kehilangan keupayaan yang wujud sebelum Tarikh Kuatkuasa insurans bagi Orang Yang Diinsuranskan dan dimana Orang Yang Diinsuranskan itu sedang menerima rawatan atau menunjuk manifesti/tanda tidak kira Orang Yang Diinsuranskan itu sedar atau sebaliknya
- ii) Perundingan seorang doktor perubatan bagi sebarang tanda kesakitan atau ketidakselesaian hendaklah dianggap sebagai manifestasi atau tanda ketidakupayaan.

Sebarang keadaan pra-wujud yang diisytiharkan di mana pengecualian perlindungan baginya belum dikeluarkan adalah tidak layak untuk perlindungan atau dikecualikan.

"Penyakit-penyakit Tertentu" (Specific illness) ketidakupayaan yang berikut dan keadaan yang berhubung dengannya yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari insurans bagi Orang Yang Diinsuranskan tidak kira samada Orang Yang Diinsuranskan sedar atau tidak.

- i) Batu karang dalam system kencing dan hempedu dan kolesistis
- ii) Darah tinggi dan penyakit kencing manis dan semua penyakit endokrinologikal
- iii) Penyakit-penyakit jantung dan penyakit-penyakit saluran darah termasuk saluran darah timbul
- iv) Katarak, pterygium, sakit kepala dan penyakit sawan
- v) Tumor, pertumbuhan, sebarang jenis hyperplasia, termasuk sista, polip, Nodul dan sebagainya
- vi) Keganjilan nasal dan semua gangguan laluan pernafasan atasan
- vii) Hernia, buasir, rekahan fistulae, hydrocele, varicocele dan resdung
- viii) Gastrik, ulser peptic, hakisan dan semua gangguan gasto-usus atasan
- ix) Endometriosis, adenomiosis, prolaps rahim dan semua keadaan rahim
- x) Keadaan prostat dan semua jenis penyakit sistem peranakan
- xi) Gangguan tulang belakang, sebarang jenis artrosis dan semua jenis sindrom
- xii) Gangguan auto-daya tahan termasuk Lupus Eritematosus Bersistem / Eritematosus Diskoid, sindrom gangguan usus dan sebagainya
- xiii) Tonsil, Adenoid dan gangguan Tiroid
- xiv) Semua penyakit berkaitan hidung, telinga dan juga keadaan tekak (termasuk sinus)

Dengan ini saya mengakui bahawa saya telah diberi penjelasan, membaca dan memahami maklumat yang tersebut di atas